



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 2/2021 (Pindaan No.1)

1 Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 2/2021 dipinda seperti berikut:

1.1 Memasukkan perenggan baharu 3A selepas perenggan 3:

3A Contoh layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai seperti di Butiran (a), Kumpulan A: Penginapan, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah seperti berikut:

3A.1 Pengendali premis penginapan menyediakan pakej penginapan kepada kepada mana-mana orang yang menginap di premis penginapan:-

- (a) Pakej penginapan sahaja adalah dikecualikan cukai perkhidmatan.
- (b) Pakej penginapan termasuk sarapan pagi adalah dikecualikan cukai perkhidmatan kerana ia merupakan praktis kebiasaan bagi industri penyediaan penginapan.
- (c) Pakej penginapan termasuk sarapan pagi dan tambahan sarapan pagi untuk kanak-kanak. Penginapan termasuk sarapan pagi adalah dikecualikan cukai perkhidmatan manakala tambahan sarapan pagi untuk kanak-kanak adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
- (d) Pakej penginapan termasuk sarapan pagi dan tambahan makan tengahari serta makan malam. Penginapan termasuk sarapan pagi adalah dikecualikan cukai perkhidmatan manakala tambahan makan tengahari dan makan malam adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
- (e) Pakej penginapan termasuk sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam yang tidak dapat diasingkan dalam invois, semua adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
- (f) Pakej Seminar (penginapan termasuk makan) yang tidak dapat diasingkan dalam invois adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

1.2 Memasukkan perenggan baharu 4.1, 4.2 dan 4.3 selepas perenggan 4:

4.1 Contoh layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai seperti di Butiran (b), Kumpulan A: Penginapan, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah seperti berikut:

- (a) Premis penginapan dijadikan salah satu pusat kuarantin dan membekalkan makanan bermasak yang disediakan oleh pihak katering luar. Perkhidmatan yang diberikan pengecualian adalah penyediaan penginapan sahaja. Manakala penyediaan perkhidmatan pembekalan makanan di pusat kuarantin (berdaftar sebagai penyedia perkhidmatan di bawah Kumpulan A, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
- (b) Premis penginapan dijadikan salah satu pusat kuarantin dan mengenakan caj sebanyak RM 150 untuk pakej penyediaan penginapan satu malam termasuk penyediaan makanan dan perkhidmatan dobi. Peruntukan untuk penyediaan makanan bernilai RM 45 dan dobi RM 5 untuk sehari telah dimasukkan dalam harga pakej satu malam. Peruntukan untuk penyediaan makanan dan perkhidmatan dobi adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Oleh itu, pengendali premis penginapan perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan ke atas nilai RM 50 tersebut.

4.2 Contoh layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai seperti di Butiran (c), Kumpulan A: Penginapan, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah seperti berikut:

- (a) Pengendali premis penginapan menyewakan dewan atau ruang di dalam premis penginapan tidak layak mendapat pengecualian cukai perkhidmatan dan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

4.3 Contoh layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai seperti di Butiran (d), Kumpulan A: Penginapan, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah seperti berikut:

- (a) Pengendali premis penginapan menyediakan dan menjual produk tembakau dan minuman beralkohol dan tidak beralkohol di restoran miliknya. Penyediaan dan penjualan produk tersebut tidak layak mendapat pengecualian cukai perkhidmatan dan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA**